

Keputusan tanding Permatang Pauh lepas SPR umum tarikh, kata Najib
The Malaysian Insider
Feb 25, 2015
Oleh Md Izwan

Umno hanya akan membuat pendirian untuk bertanding di kerusi Permatang Pauh selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan tarikh pilihan raya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Presiden Umno itu berkata, terdapat perkara daripada aspek perlembagaan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum SPR dapat membuat keputusan.

"Kita akan tunggu mengikut tafsiran Perlembagaan," kata Najib pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur malam ini.

Umno tidak akan mengumumkan keputusan selagi SPR belum mengumumkan status dan tarikh Pilihan Raya Kecil (PRK) di kerusi yang disandang Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Najib.

"SPR akan menerima tafsiran tersebut dan SPR akan tentukan tarikh.

"Apabila SPR tentukan tarikh, MT akan membuat keputusan kelak," katanya.

Pada 10 Februari lalu, Anwar gagal dalam rayuan terakhirnya di Mahkamah Persekutuan terhadap sabitannya meliwat bekas pembantu peribadinya Mohd Saiful Bukhari Azlan pada 2008.

Berikutan keputusan itu, status Anwar sebagai wakil rakyat Permatang Pauh tergantung.

Bagaimanapun, SPR masih belum menerima sebarang notis daripada Speaker Dewan Rakyat mengenai status Permatang Pauh.

Pakar perundangan mengatakan Anwar masih sah sebagai ahli Parlimen Permatang Pauh.

Semalam, keluarga Anwar juga membuat permohonan pengampunan kepada Agong menyebabkan Dewan Rakyat serta SPR perlu menunggu keputusan daripada Istana Negara. – 25 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/keputusan-tanding-permatang-pauh-lepas-spr-umum-tarikh-kata-najib>